

## **GARISPANDUAN PERMOHONAN PENKELASAN BAHAN KIMIA BARU SEBAGAI RACUN DI BAWAH AKTA RACUN 1952**

### **1. PENGENALAN**

1.1 Lembaga Racun ditubuhkan bertujuan untuk menasihati Menteri Kesihatan dalam:

- Pengkelasan bahan kimia baru sebagai Racun
- Pemindaan pengkelasan Racun dalam Senarai Racun
- Penyingkiran Racun daripada Senarai Racun

menurut peruntukan di bawah Akta Racun 1952.

1.2 Lembaga Racun bersidang 2 kali setahun iaitu pada pertengahan dan hujung tahun bagi membahaskan permohonan pengkelasan bahan kimia baru dan perkara-perkara yang berkaitan.

1.3 Ahli-ahli Lembaga Racun yang telah dilantik oleh Menteri Kesihatan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Racun 1952 adalah seperti berikut:

1.31 Ketua Pengarah Kesihatan – *ex-officio*

1.32 Seorang Ahli Farmasi yang bekerja di sektor awam

1.33 Seorang pegawai daripada Jabatan Kimia

1.34 Seorang Pegawai daripada Jabatan Pertanian

1.35 Seorang Pegawai daripada Jabatan Veterinar

1.36 8 orang warganegara Malaysia yang bukan penjawat awam iaitu:

- i) Seorang wakil daripada Persatuan Perubatan Malaysia
- ii) Seorang wakil daripada Majlis Perubatan Malaysia
- iii) Seorang wakil daripada Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia
- iv) Seorang wakil daripada Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia
- v) Seorang wakil daripada Dewan Perniagaan Melayu Malaysia
- vi) Seorang wakil daripada Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia
- vii) Seorang wakil daripada Persatuan Farmasi Malaysia

## **2. SIAPA YANG LAYAK MEMBUAT PERMOHONAN**

Permohonan adalah terbuka kepada pemegang pendaftaran suatu produk atau mana-mana pihak yang mempunyai kuasa untuk mengawal bahan kimia tersebut.

## **3. DI MANA BORANG PERMOHONAN BOLEH DIPEROLEHI**

- 3.1 Borang permohonan dan format pengisian bagi pengkelasan bahan kimia baru boleh dimuat turun di alamat [www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my) (Application for Classification of New Drug As Poison di bawah Download Forms).
- 3.2 Lampiran A iaitu Tatacara mengisi borang permohonan juga boleh dimuat turun daripada laman sesawang yang sama. Tatacara ini menjelaskan cara dan format untuk mengisi borang permohonan.

## **4. KE MANA BORANG PERLU DIHANTAR**

Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar kepada:

**Setiausaha Lembaga Racun,  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Lot 36, Jalan universiti,  
46350 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.**

## **5. JIKA ADA PERSOALAN KE MANA HENDAK DIHUBUNGI**

Jika anda ingin mengajukan soalan atau mempunyai masalah berkaitan Pengkelasan Bahan Kimia Baru sebagai Racun, bolehlah menghubungi kami di talian 03-78413200 atau fakskan kepada 03-79682251.

## **6. PENUTUP**

Panduan ini disediakan bertujuan untuk menjelaskan proses permohonan pengkelasan bahan kimia baru sebagai Racun.